



1100089117



LP 7 FPE 1 2010



1100089117

Kecekapan dan produktiviti dalam sektor perikanan marin di  
Malaysia / Che Ku Budiman Che Ku Zainudin.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100089117

1100089117		

Lihat Sebelah

**KECEKAPAN DAN PRODUKTIVITI DALAM  
SEKTOR PERIKANAN MARIN DI MALAYSIA**

**CHE KU BUDIMAN BIN CHE KU ZAINUDIN  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA  
EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**JABATAN EKONOMI  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2010**

## **PENGAKUAN**

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh : 14 APRIL 2010



---


**CHE KU BUDIMAN BIN CHE KU ZAINUDIN**

**UK 15921**

## **DECLARATION**

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399A/B) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date : 14 APRIL 2010



---

**CHE KU BUDIMAN BIN CHE KU ZAINUDIN**

**UK 15921**

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan saya ingin sampaikan khasnya kepada penyelia saya iaitu Profesor Nik Hashim Nik Mustapha. Beliau telah banyak memberi sumbangan dalam proses menyiapkan kertas projek ini. Keikhlasan dan sikap peramah beliau telah memupuk satu komunikasi yang berkesan telah membantu saya menyiapkan projek ini dengan lebih berkualiti. Segala kesukaran dan kesilapan dapat diselesaikan dengan adanya perbincangan antara satu sama lain. Walaupun sibuk menjalankan tugas sebagai Ketua Jabatan Ekonomi dan pensyarah, beliau sanggup meluangkan masa untuk kertas projek saya.

Selain itu, saya ingin berterima kasih kepada keluarga dan saudara-mara saya yang banyak memberi sokongan dan nasihat serta bantuan dalam masalah kewangan agar projek ini dapat disiapkan dengan sempurna. Jasa kawan-kawan yang telah banyak memberi tujuk ajar, nasihat dan juga pendapat juga tidak akan saya lupakan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu, membimbing, memberi sokongan dan kerjasama dengan ikhlasnya dalam proses menyiapkan kertas projek ini dengan sempurna dan penuh kualiti.

**CHE KU BUDIMAN BIN CHE KU ZAINUDIN**  
**(UK 15921)**

## **ABSTRAK**

Sektor perikanan marin merupakan salah satu sektor penting dalam pengembangan ekonomi Malaysia pada masa sekarang. Sebagaimana yang diketahui, pasaran perikanan marin amat luas dan penting di Malaysia kerana ikan merupakan sumber protein yang penting kepada masyarakat. Tujuan dari kajian ini adalah untuk mendapatkan informasi tentang kecekapan dan potensi sektor perikanan di Malaysia. Kajian ini dilihat melalui pembolehubah-pembolehubah iaitu bilangan bot, bilangan nelayan, bilangan pekakas bagi input manakala kuantiti pendaratan dan nilai ikan dijadikan sebagai output. Metologi kajian yang digunakan adalah melalui analisis deskriptif dan Analisis Penyampulan Data iaitu DEA (Data Envelopment Analysis). Kaedah DEA adalah kaedah untuk melihat kecekapan dalam bagi input dan output yang digunapakai. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan hanya beberapa negeri sahaja mencapai skala kecekapan dalam sektor perikanan marin di Malaysia. Walaupun keadaan industri perikanan di Malaysia masih ketinggalan tetepi ia menunjukkan tanda positif dari tahun ke tahun. Pendaratan dan hasil perikanan marin didapati semakin meningkat dan telah berkembang dengan adanya pembangunan dan penyelidikan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan swasta.

## **ABSTRACT**

Marine fisheries sector is one sector in developing the Malaysian economy at present. Become a known, marine fisheries market is vast and important in Malaysia because the fish is an important source of protein to community. The purpose of this study was to obtain information about the efficiency and potential of fisheries sector in Malaysia. This study is viewed by these variables is the number of boats, the number of fishermen, number of gears for the input and the quantity of fish landings and values used as output. For this study, we used methodology of descriptive and analysis of data envelopment analysis (DEA). DEA method is a method to see the efficiency of input and output are used. The results obtained showed that only a few states only achieve efficiencies of scale in the marine fisheries sector in Malaysia. Although the fishing industry in Malaysia is still behind but it shows a positive sign from year to year. Marine fishery landings and revenue available is increasing and has grown with the development and research done by the government and the private sector.